

PRU-13: Manifesto BN dokumen serius, sebuah aku janji – Najib

Utusan Online

06 April, 2013

KUALA LUMPUR 6 April - Datuk Seri Najib Tun Razak malam ini melancarkan Manifesto Barisan Nasional (BN) bertemakan "Menepati Janji Membawa Harapan" yang merupakan satu dokumen serius dan sebuah aku janji untuk rakyat jika diberi mandat pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Menurut Perdana Menteri, atas sebab itulah maka membuat keputusan melancarkan manifesto tersebut dalam satu majlis besar-besaran dan disiarkan secara langsung melalui televisyen.

"Aku janji ini serius. Jadi kita bentang dan buat secara siaran langsung supaya rakyat seluruh negara boleh menghayati isi kandungan manifesto. Supaya semua rakyat tahu. Kita sudah sampai di mana gendang perang sudah dipalu," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Janji 1Malaysia dan Pelancaran Manifesto BN, di Stadium Putra Bukit Jalil malam ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130406/px_57/PRU-13-Manifesto-BN-dokumen-serius-sebuah-aku-janji---Najib